

5

Prestasi Kewangan Sektor Awam

Prestasi 1995

Tinjauan

Teras operasi belanjawan dalam tahun 1995 kekal bertumpu kepada belanjawan berhemat dan kukuh bagi mendorong pertumbuhan mampan dengan kestabilan harga. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melawan inflasi serta matlamat belanjawan berimbang, kedudukan kewangan Kerajaan terus kukuh pada tahun 1995. Dari segi hasil, langkah-langkah telah diambil untuk meningkatkan kutipan hasil, termasuk reformasi cukai yang bertujuan menjadikannya lebih cekap dan berdaya saing di samping meluaskan lagi asas hasil. Dari segi perbelanjaan, Kerajaan meneruskan kawalan ketat perbelanjaan bagi membendung peningkatan perbelanjaan mengurus. Langkah-langkah yang diambil termasuklah menyuai-saiz sektor awam dengan mengawal bilangan kakitangan sektor awam kecuali perkhidmatan perlu seperti pelajaran dan kesihatan, serta menswastakan beberapa agensi dan projek. Kerajaan juga meneruskan pengurusan hutang yang berhemat dengan mengawal pinjaman baru luar negeri, membayar balik awal dan membiayai semula pinjaman luar bagi tujuan mengurangkan lagi hutang luar negeri. Mengenai perbelanjaan pembangunan pula, Kerajaan terus menggalakkan pembangunan sektor-sektor ekonomi yang strategik yang boleh membantu pertumbuhan. Penekanan di beri kepada pelaburan terpilih khususnya pembangunan infrastruktur dan sumber manusia untuk mengatasi kekangan infrastruktur dan kekurangan tenaga manusia.

Akaun sektor awam yang disatukan dijangka mencatatkan defisit kira-kira RM7 bilion atau kira-kira 3.7% daripada KNK pada tahun 1995 berbanding dengan lebih RM3 bilion pada tahun 1994 kerana pertambahan besar perbelanjaan

Jadual 5.1

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan (RM juta)

	1994 ¹	1995 ²	1996 ³
Akaun semasa:			
Sektor Kerajaan:			
Hasil	60,575	61,000	65,427
Perbelanjaan mengurus	42,019	46,305	47,769
Baki akaun semasa	18,556	14,695	17,658
Lebihan semasa PABK	10,285	10,460	11,097
Lebihan semasa sektor awam	28,841	25,155	28,755
Akaun pembangunan:			
Perbelanjaan pembangunan	25,460	32,592	35,596
Baki keseluruhan	3,381	(7,437)	(6,841)
% kepada KNK	1.9	-3.7	-3.0
Catitan: ¹ Anggaran sebenar ² Anggaran semula ³ Anggaran belanjawan, tidak termasuk perubahan cukai dalam tahun 1996.			

pembangunan sektor awam, terutamanya Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan pembangunan PABK dijangka meningkat 31.8% sementara Kerajaan Persekutuan 35.1%. Defisit ini juga adalah disebabkan oleh lebihan akaun semasa sektor Kerajaan yang lebih rendah memandangkan perbelanjaan mengurus meningkat lebih besar daripada pertambahan hasil.

Hasil sektor Kerajaan dijangka meningkat 0.7%, dengan sumbangan Kerajaan Persekutuan berjumlah kira-kira 83%. Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 10.2% dengan Kerajaan Persekutuan menyumbang kira-kira 73%. Oleh


yang demikian, baki akaun semasa sektor Kerajaan dijangka lebih rendah, merosot daripada RM18.6 bilion pada tahun 1994 kepada RM14.7 bilion pada tahun 1995. Memandangkan PABK dijangka mengekalkan lebihan mengurus pada paras yang sama seperti tahun 1994, lebihan semasa sektor awam dijangka RM3.6 bilion lebih rendah, merosot daripada RM28.8 bilion pada tahun 1994 kepada RM25.2 bilion dalam tahun 1995. Bagi perbelanjaan pembangunan, PABK merupakan penyumbang terbesar kira-kira 47% dengan Kerajaan Persekutuan menyumbang 32.4% kepada jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam. Pada tahun 1995, perbelanjaan pembangunan bagi PABK dan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 33% berbanding dengan 17.9% pada tahun 1994.

Kerajaan Persekutuan

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan lebihan yang kecil sebanyak RM586 juta daripada lebihan sebanyak RM4.4 bilion pada tahun 1994. Lebihan yang lebih besar pada tahun 1994 adalah berikutan daripada penerimaan luar biasa dari penjualan saham yang dipegang oleh Kerajaan dalam Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (TMB) dan Heavy Industry Corporation Malaysia Berhad (HICOM), berjumlah RM2.9 bilion. Pada tahun 1995 Kerajaan Persekutuan tidak dijangka menjual sebarang saham pengangannya. Dengan Kerajaan terus mengekalkan kawalan belanjawan yang ketat ke atas perbelanjaannya, perbelanjaan mengurus tahun 1995 dijangka meningkat 9.2%, lebih tinggi berbanding dengan 8.8% yang dicatatkan pada tahun 1994. Peningkatan ini adalah berpunca daripada pelarasan gaji yang telah dipersetujui oleh Kerajaan pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, dari segi perbelanjaan pembangunan, memandangkan tahun 1995 merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 (RM6), perbelanjaan pembangunan dijangka mencatat peningkatan lebih tinggi 12.6% berbanding dengan 11.4% tahun 1994. Dari segi hasil, pertambahan dalam tahun 1995 dijangka jauh berkurangan kepada 1.9% berbanding dengan pertambahan 18.6% dalam tahun 1994. Pertumbuhan yang perlahan ini adalah berikutan daripada langkah-langkah percukaian yang diperkenalkan dalam Belanjawan 1995 di

Carta 5.1

Kewangan Kerajaan Persekutuan - Akaun Semasa




mana Kerajaan dijangka mengalami kehilangan cukai potensi sebanyak kira-kira RM2 bilion terutamanya daripada cukai pendapatan syarikat dan perseorangan yang lebih rendah.

Hasil

Selaras dengan reformasi cukai yang sedang berjalan, kadar cukai syarikat telah dikurangkan sebanyak dua mata peratusan kepada 30% berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1995. Ini merupakan sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan untuk mewujudkan iklim pelaburan yang lebih menarik, meningkatkan daya saing serta menyumbang kepada usaha untuk mengurangkan kos perniagaan. Selain daripada itu, kadar cukai pendapatan perseorangan juga dikurangkan daripada 34% kepada 32% dan penghapusan kadar minimum 2%, di mana pendapatan bercukai kurang daripada RM2,501 tidak lagi dikenakan cukai. Bagi kumpulan pendapatan yang lain, kadar-kadar cukai telah dikurangkan antara dua hingga tiga mata

Carta 5.2
Peratusan Defisit / Lebihan Keseluruhan
Kepada Keluaran Negara Kasar



peratusan. Beberapa langkah fiskal telah juga dilaksanakan bagi menggalakkan pelaburan baru dan pelaburan semula bertujuan memodenkan operasi pengeluaran yang sedia ada, meningkatkan inovasi dan daya saing dan memudahkan kemasukan ke pasaran baru. Ini termasuklah penubuhan Tabung Pelaburan Domestik sebanyak RM1 bilion bagi menggalakkan pelaburan dalam negeri, khususnya industri kecil dan sederhana. Bagi menggalakkan tabungan, pendapatan dari pelaburan dengan insuran nyawa dikenakan cukai pada kadar 8% dan tidak lagi mengikut kadar cukai syarikat. Bagi golongan berpendapatan rendah, jumlah cukai pendapatan bercukai telah dikurangkan melalui pelepasan dan rebet. Pelepasan cukai yang dihadkan sehingga lima orang anak telah dimansuhkan. Sebagai sebahagian daripada langkah fiskal untuk mengawal inflasi, Kerajaan telah mengurangkan atau memansuh duti import ke atas lebih 2,600 barangan meliputi keluaran makanan, barangan rumah dan bahan-bahan mentah untuk perkilangan. Dengan ini, sejak tahun 1993 Kerajaan telah mengurangkan atau memansuhkan duti import ke atas kira-kira 4,000 barang. Dengan mengambilkira semua pelepasan dan potongan cukai, Kerajaan dijangka kehilangan hasil potensi yang besar sebanyak kira-kira RM2 bilion pada tahun 1995.

Jadual 5.2

Hasil Kerajaan Persekutuan


	1994 ¹		1995 ²		1996 ³	
	(RM juta)	(% Perubahan)	(RM juta)	(% Perubahan)	(RM juta)	(% Perubahan)
Jumlah hasil	49,447	(+18.6)	50,380	(+1.9)	54,376	(+7.9)
Hasil cukai	37,487	(+17.5)	40,559	(+8.2)	45,247	(+11.6)
Cukai langsung	20,160		21,985		23,778	
Cukai tak langsung	17,327		18,574		21,469	
Hasil bukan cukai	11,960	(+22.2)	9,821	(-17.9)	9,129	(-7.0)

Nota: ¹ Anggaran sebenar

² Anggaran disemak

³ Anggaran belanjawan, tidak termasuk perubahan cukai baru dalam tahun 1996.

Carta 5.3
Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan



Berikutan daripada konsesi cukai yang telah diberikan dalam Belanjawan 1995, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat secara sederhana sebanyak 1.9% kepada RM50,380 juta berbanding dengan peningkatan 18.6% pada tahun 1994. Peningkatan hasil cukai dijangka sangat berkurangan, iaitu 8.2% kepada RM40,559 juta berbanding dengan pertambahan ketara 17.5% pada tahun 1994. Selain daripada itu, kutipan hasil bukan cukai dijangka merosot 18.5% memandangkan tidak ada terimaan yang dijangka daripada penjualan saham pegangan Kerajaan dalam tahun 1995.

Hasil daripada cukai langsung dijangka meningkat 9.1% dalam tahun 1995. Walaupun dengan pengurangan kadar cukai pendapatan sebanyak dua mata peratusan serta implikasi hasil daripada kerugian hasil potensi sebanyak RM662 juta, hasil cukai syarikat adalah 8.7% lebih tinggi iaitu RM11,486 juta. Begitu juga dengan cukai pendapatan perseorangan, meskipun wujud kehilangan potensi hasil sebanyak RM704 juta berikutan daripada pengurangan kadar cukai pendapatan perseorangan di antara dua hingga tiga mata peratusan dan pertambahan rebet untuk individu dan isteri, kutipan bagi tahun 1995 dijangka meningkat 29.1% kepada RM5,896 juta. Pertumbuhan pesat ekonomi bersama-sama

Jadual 5.3

Cukai Langsung Kerajaan Persekutuan

	1994 ¹		1995 ²		1996 ³	
	(RM juta)	(% Perubahan)	(RM juta)	(% Perubahan)	(RM juta)	(% Perubahan)
Cukai pendapatan	17,339	(+10.7)	19,517	(+12.6)	21,091	(+8.1)
Syarikat	10,562	(+23.5)	11,486	(+8.7)	12,589	(+9.6)
Perseorangan	4,566	(+7.5)	5,896	(+29.1)	6,462	(+9.6)
Petroleum	2,211	(-22.7)	2,135	(-3.4)	2,040	(-4.4)
Lain-lain	2,821	(+99.8)	2,468	(-12.5)	2,687	(+8.9)
Duti setem	2,515		2,191		2,877	
Lain-lain	306		277		310	
JUMLAH	20,160	(+18.1)	21,985	(+9.1)	23,778	(+8.2)

Nota: ¹ Anggaran cukai

² Anggaran disemak

³ Anggaran belanjawan, tidak termasuk perubahan cukai baru dalam tahun 1996.

dengan usaha bersungguh-sungguh yang dibuat oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan kecekapan jentera kutipan hasil dan penguatkuasaan yang lebih ketat juga membantu menambah kutipan.

Dalam bulan Disember 1994, Parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1994 bagi memudahkan penyusunan semula organisasi Jabatan Hasil Dalam Negeri menjadi badan berkanun beratonomi dalam pengurusan kewangan, pengambilan kakitangan dan skim gaji. Selain daripada itu, dalam bulan Januari 1995, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah melaksanakan Sekim Potongan Cukai Berjadual bagi membolehkan potongan dan bayaran cukai dibuat daripada sumber pendapatan pekerja.

Sebaliknya, kutipan daripada cukai pendapatan petroleum dan duti setem dijangka berkurangan. Bagi cukai pendapatan petroleum, kemerosotannya adalah berpunca daripada kejatuhan harga petroleum daripada US\$18.79 setong pada tahun 1993 kepada AS\$17.08 setong pada tahun 1994. Di samping itu, kadar cukai pendapatan petroleum juga telah dikurangkan sebanyak lima mata peratusan kepada 40% berkuatkuasa tahun taksiran 1994 sebagai langkah menggalakkan penerokaan dan meluaskan iklim pelaburan industri petroleum. Berikutan dengan itu, kutipan daripada cukai pendapatan petroleum dijangka berkurangan 3.4% menjadi RM2,135 juta pada tahun 1995. Sementara kegiatan urusan niaga di Pasaran Saham Kuala Lumpur telah memberi sumbangan besar terhadap peningkatan kutipan hasil pada tahun-tahun kebelakangan ini jumlah urusan niaga yang lebih rendah pada tahun 1995 telah menyebabkan kutipan duti setem berkurangan.

Penghapusan atau pengurangan duti import, duti eksais dan cukai jualan ke atas sebahagian besar barangan dijangka menyederhanakan pertambahan cukai tidak langsung. Kerajaan telah mengurangkan atau menghapuskan duti import ke atas lebih 2,600 jenis barang termasuk keluaran makanan, makanan ternakan, barangan rumah, dan bahan mentah untuk perkilangan. Langkah-langkah tersebut dijangka menyebabkan kehilangan hasil potensi sebanyak RM352 juta. Dengan itu, hasil dari duti import dijangka merosot 0.7% berbanding dengan pertambahan sebanyak 23% pada tahun 1994. Tambahan pula, duti eksais ke atas lori, bahan pelincir dan semua jenis tayar

juga telah dimansuhkan dan ini dijangka mengakibatkan kehilangan hasil sebanyak RM146 juta. Walau bagaimanapun, kutipan daripada duti eksais dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu 17.6% berbanding dengan pertambahan 15.7% pada tahun 1994. Walaupun kadar cukai jualan ke atas barangan import dan barangan buatan tempatan yang dijangka mengalami kehilangan hasil kira-kira RM32 juta, kutipan dari cukai jualan dijangka meningkat sebanyak 14.3% berikutan daripada pertumbuhan pesat perbelanjaan sektor swasta. Pertambahan penggunaan juga menyumbang kepada peningkatan ketara 18.2% bagi kutipan cukai perkhidmatan. Bagaimanapun, ianya lebih rendah daripada 34.6% yang dicatatkan pada tahun 1994 bila skop cukai telah diperluaskan. Sebaliknya, hasil daripada duti eksport (hampir keseluruhannya daripada petroleum) dijangka berkurangan 20.8% berikutan daripada harga petroleum yang lebih rendah.

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 9.2% berbanding dengan kenaikan sebanyak 8.8% pada tahun 1994. Kenaikan ini telah mengambil kira pelarasan gaji yang baru dipersetujui oleh Kerajaan, melibatkan tambahan perbelanjaan kira-kira RM2 bilion. Emolumen kekal sebagai komponen perbelanjaan terbesar daripada perbelanjaan mengurus, iaitu kira-kira 37.3%, diikuti oleh bayaran khidmat hutang (17.5%) dan bekalan dan perkhidmatan (15.9%). Pertumbuhan perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi pada tahun 1995 adalah disebabkan perbelanjaan yang meningkat bagi emolumen, pencen dan ganjaran dan bekalan dan perkhidmatan.

Perbelanjaan **emolumen** dijangka meningkat 13.1% untuk membiayai kenaikan gaji tahunan serta untuk kakitangan baru dalam perkhidmatan penting terutama pendidikan dan kesihatan. Selaras dengan usaha untuk menyuai-saiz sektor awam, sejumlah 9,000 jawatan dianggar telah dimansuhkan dalam tahun 1995. Walau bagaimanapun, 23,000 jawatan baru telah diwujudkan untuk memenuhi keperluan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan serta perkhidmatan penting yang lain.

Jadual 5.4

Cukai Tak Langsung Kerajaan Persekutuan

	1994 ¹		1995 ²		1996 ³	
	(RM juta) (% Perubahan)		(RM juta) (% Perubahan)		(RM juta) (% Perubahan)	
Duti eksport	1,158	(-20.9)	917	(-20.8)	892	(-2.7)
Duti import	5,615	(+23.0)	5,577	(-0.7)	6,472	(+16.0)
Duti eksais	4,297	(+15.7)	5,055	(+17.6)	5,838	(+15.5)
Cukai jualan	4,131	(+19.1)	4,720	(+14.3)	5,621	(+19.1)
Cukai perkhidmatan	825	(+34.6)	975	(+18.2)	1,196	(+22.7)
Lain-lain	1,301	(+29.3)	1,330	(+2.2)	1,450	(+9.0)
JUMLAH	17,327	(+16.8)	18,574	(+7.2)	21,469	(+15.6)

Nota: ¹ Anggaran sebenar

² Anggaran disemak


³ Anggaran belanjawan, tidak termasuk perubahan cukai baru pada 1996.

Bayaran khidmat hutang dijangka merosot bagi tahun ketiga berturut-turut berikutan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang bertambah baik dan ini mengurangkan keperluan meminjam oleh Kerajaan dan pada masa yang sama membolehkan Kerajaan membuat bayaran balik awal pinjaman luar negeri yang mahal. Beberapa bayaran balik awal telah dibuat semenjak tahun 1988. Pada tahun 1994, bayaran balik awal pinjaman luar negeri sebanyak RM4.7 bilion telah dibuat. Oleh itu, bayaran khidmat hutang luar negeri berkurangan 22.3% berbanding dengan kenaikan 2.5% bagi bayaran khidmat hutang dalam negeri. Bayaran khidmat hutang dalam negeri yang meningkat adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan bayaran faedah ke atas Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Perbendaharaan. Jumlah bayaran khidmat hutang berkurang 1.6%, dengan itu bahagian bayaran khidmat hutang kepada jumlah perbelanjaan mengurus terus berkurangan daripada 19.4% daripada tahun 1994 kepada hanya 17.5% pada tahun 1995.

Perbelanjaan **bekalan dan perkhidmatan** dijangka terus mencatatkan kenaikan ketara 24% kepada RM6,088 juta berbanding dengan kenaikan 18.3% pada tahun 1994. Perbelanjaan yang lebih tinggi pada tahun 1995 termasuklah perbelanjaan tambahan sebanyak RM1 bilion kepada peruntukan RM712 juta yang telah dibelanjakan pada tahun 1994 di bawah program penyelenggaraan khas bagi jalan raya, hospital, sekolah dan lain-lain bangunan Kerajaan untuk menaikkan kecekapan jentera pentadbiran dan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam. Berikutan daripada pelarasan gaji yang terakhir ini, kenaikan perbelanjaan untuk **pencen dan ganjaran** adalah melebihi 44%. Perbelanjaan pada tahun 1995 juga mengambilkira sumbangan tahunan sebanyak RM695 juta kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) yang telah ditubuhkan pada tahun 1991.

Geran dan serahan kepada kerajaan negeri dijangka kekal pada paras yang sama seperti tahun 1994. Geran penyelenggaraan jalan raya kekal sebagai komponen terbesar di bawah kumpulan perbelanjaan ini, berjumlah RM596 juta

Carta 5.4
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



atau 42.4% daripada jumlah geran. Geran mengikut kiraan kepala, iaitu komponen kedua terbesar dijangka berjumlah RM196 juta atau 13.9% daripada jumlah geran. Perbelanjaan bagi **subsidi** meningkat 12.2% disebabkan kenaikan subsidi bagi bahan petroleum dan subsidi rancangan pemakanan tambahan. Subsidi bahan petroleum meningkat daripada RM55.1 juta pada tahun 1994 kepada RM94 juta berikutan kenaikan kos operasi pengeluaran gas cecair petroleum (LPG). Subsidi bagi rancangan pemakanan tambahan dijangka meningkat daripada RM42.5 juta pada tahun 1994 kepada RM72.9 juta disebabkan oleh penyemakan semula kadar subsidi daripada 60 sen kepada 90 sen bagi setiap pelajar di Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu, tempoh rancangan juga telah dinaikkan daripada 130 kepada 150 hari setahun.

Dari segi klasifikasi perbelanjaan mengikut sektor, perbelanjaan terbesar ialah untuk sektor **perkhidmatan sosial** yang dijangka meningkat 8.7% kepada RM12,546 juta dan merupakan 33.3% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan terbesar diperuntukkan kepada kesihatan dan pendidikan, khususnya emolumen guru-guru dan kakitangan perubatan serta bekalan dan perkhidmatan di bawah pendidikan dan kesihatan. Perbelanjaan kedua terbesar adalah untuk sektor **keselamatan** yang dijangka meningkat

Jadual 5.5

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek (RM juta)

	1995 Anggaran Disemak	% Sumbangan	1996 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Emolumen	14,276	37.3	13,791	34.7
Bayaran khidmat hutang	6,704	17.5	6,708	16.9
Geran kepada kerajaan negeri	1,406	3.7	1,525	3.8
Pencen dan ganjaran	3,947	10.3	3,981	10.0
Bekalan dan perkhidmatan	6,088	15.9	6,016	15.1
Subsidi	660	1.7	723	1.8
Lain-lain	5,211	13.6	7,022	17.7
JUMLAH	38,292	100.0	39,766	100.0

9.3% kepada RM6,009 juta, terutamanya untuk menampung pembelian bekalan dan perkhidmatan serta emolumen bagi anggota tentera dan polis. Daripada jumlah perbelanjaan untuk sektor keselamatan, kira-kira 63.2% adalah untuk sektor kecil pertahanan manakala selebihnya adalah untuk keselamatan dalam negeri. Perbelanjaan bagi sektor **pentadbiran am** dijangka menyumbang 8.1% dan **perkhidmatan ekonomi** 14.0% daripada jumlah perbelanjaan mengurus pada tahun 1995.

Perbelanjaan Pembangunan


Perbelanjaan pembangunan dalam tahun 1995 terus ditumpukan kepada infrastruktur dan pembangunan sumber manusia bagi mengurangkan sesakan infrastruktur dan kekurangan tenaga kerja khususnya tenaga kerja mahir dan separa mahir. Di samping itu, peningkatan pendapatan dan taraf hidup rakyat luar bandar masih merupakan agenda utama. Jumlah perbelanjaan pembangunan pada tahun 1995 dijangka berjumlah RM12,702 juta atau 12.6% lebih tinggi daripada tahun 1994, dengan pertambahan ketara perbelanjaan bagi pengangkutan, kesihatan, kemudahan awam, perdagangan dan perindustrian.

Perbelanjaan bagi projek-projek infrastruktur dijangka masih tinggi iaitu RM3,478 juta atau 25.7% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan pada tahun 1995 dengan RM2,644 juta untuk sektor kecil pengangkutan. Sistem pengangkutan darat diseluruh negara dijangka dinaikkan taraf melalui pembaikan jalan dan jambatan yang sedia ada dan pembinaan jalan-jalan baru. Projek-projek ini dijangka menelan belanja RM2,072 juta pada tahun 1995. Antara projek laluan utama yang dilaksanakan pada tahun 1995 termasuklah pembinaan jalan Lingkaran Tengah II, Skim mengurangkan Kesyakan Lalulintas di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Pulau Pinang, projek menaik taraf Tambak Johor dan jalan dari Simpang Pulai ke Kuala Berang. Selain daripada itu, sejumlah RM90 juta akan digunakan untuk projek landasan berkembar dan elektrifikasi keretapi yang mana perkhidmatan komersial di antara Kuala Lumpur-Rawang dan Kuala Lumpur-Port Klang telah dimulakan pada bulan Ogos 1995. Bagi memperelokkan lagi sistem pengangkutan Kuala Lumpur, fasa satu projek Keretapi Transit Ringan

Jadual 5.6 Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor (RM juta)				
	1995 Anggaran Disemak	% Sumbangan	1996 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Keselamatan	6,009	15.9	6,089	15.3
Pertahanan	3,794	9.9	3,739	9.4
Keselamatan dalam negeri	2,215	5.8	2,350	5.9
Perkhidmatan sosial	12,546	32.8	13,124	33.0
Pendidikan	8,771	22.9	9,237	23.2
Kesihatan	2,430	6.3	2,510	6.3
Perumahan	90	0.2	202	0.5
Lain-lain	1,255	3.3	1,175	3.0
Perkhidmatan ekonomi	3,097	8.1	3,552	8.9
Pertanian	1,236	3.2	1,250	3.1
Kemudahan awam	60	0.2	221	0.6
Perdagangan dan perindustrian	716	1.9	923	2.3
Pengangkutan	1,021	2.7	1,077	2.7
Perhubungan	30	0.1	33	0.1
Lain-lain	34	0.1	48	0.1
Pentadbiran am	5,365	14.0	5,010	12.6
Lain-lain perbelanjaan	11,275	29.4	11,991	30.2
JUMLAH	38,292	100.0	39,766	100.0

dari Jalan Ampang ke Jalan Sultan Ismail melalui Jalan Tun Razak sedang dilaksanakan. Penglibatan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam projek tersebut berjumlah RM30 juta. Fasa kedua yang menghubungkan Sentul dengan Bukit Jalil telah dimulakan pada bulan Ogos 1995 dan dijangka siap pada tahun 1998. Di samping itu, kemudahan di lapangan terbang juga dipertingkatkan khususnya di Langkawi, Labuan, Bintulu, Tawau dan Johor Bahru bagi memenuhi pertambahan pengangkutan penumpang berikutan usaha untuk menggalakkan Malaysia sebagai pusat pelancungan utama.

Carta 5.5
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan Mengikut Sektor



Jadual 5.7

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan Bagi Sektor
Perkhidmatan Ekonomi
(RM juta)**

	1995		1996	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Peruntukan Perbelanjaan	% Sumbangan
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,351	23.0	1,436	24.9
Kemudahan awam	834	14.2	676	11.7
Perdagangan dan perindustrian	1,009	17.2	1,329	23.0
Pengangkutan	2,644	45.0	2,293	39.8
Perhubungan	9	0.1	2	0.0
Lain-lain	29	0.5	2	0.6
JUMLAH	5,876	100.0	5,768	100.0

Perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar dijangka meningkat 0.7% kepada RM1,351 juta iaitu 10.6% daripada perbelanjaan pembangunan. Ini menunjukkan usaha berterusan Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan dan mempertingkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Program-program di bawah pembangunan tanah, pembangunan pertanian bersepadu, pengairan dan saliran merupakan 56.6% daripada perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar. Program-program ini termasuklah tanaman semula getah, perusahaan ternakan, perikanan dan perhutanan.

Perbelanjaan bagi perdagangan dan perindustrian dijangka berjumlah RM1,009 juta terutamanya untuk pembangunan perindustrian, penyelidikan dan pelancungan. Program pembangunan perindustrian merupakan bahagian terbesar iaitu 57.2% atau RM630 juta dan perbelanjaan ini termasuklah perbelanjaan langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan pinjaman kepada agensi dan institusi Kerajaan. Memandangkan keperluan untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (P&P) bagi memperkukuhkan asas teknologi, sejumlah RM197

juta dijangka dibelanjakan untuk penyelidikan perindustrian khususnya oleh agensi seperti Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), Unit Tenaga Nuklear, Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) dan Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Menyedari peranan penting industri pelancungan dalam menyumbang kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan dan sebagai sumber pendapatan asing, sejumlah RM165 juta dijangka dibelanjakan untuk projek-projek pelancungan.

Program bagi kemudahan awam, meliputi bekalan air dan elektrik dijangka menelan belanja RM834 juta, di mana RM513 juta dijangka digunakan untuk bekalan air dan RM321 juta untuk bekalan elektrik khususnya program bekalan elektrik luar bandar. Program bekalan elektrik luar bandar dilaksanakan oleh agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar seperti FELCRA, FELDA dan agensi-agensi pembangunan tanah yang lain. Sebaliknya program bekalan air dilaksanakan oleh Kementerian Kerjaraya bagi mempertingkatkan bekalan air bersih dan seterusnya taraf hidup masyarakat luar bandar.

Jadual 5.8

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Bagi Program Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (RM juta)

	1995		1996	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Anggaran Disemak	% Sumbangan
Pertanian	525	37.3	403	28.1
Pembangunan tanah	217	15.4	194	13.5
Pengairan dan saliran	227	16.1	286	19.9
Tanaman semula getah	120	8.5	338	23.5
Perikanan	106	7.5	88	6.1
Ternakan	34	2.4	29	2.0
Perhutanan	41	2.9	9	0.6
Lain-lain	81	9.9	89	6.2
JUMLAH	1,351	100.0	1,436	100.0

Jadual 5.9

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Bagi Program Perdagangan dan Perindustrian (RM juta)

	1995		1996	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Anggaran Disemak	% Sumbangan
Pembangunan industri	501	49.7	681	51.2
Pelancongan	303	30.0	231	17.4
Penyelidikan industri	198	19.6	381	28.7
Lain-lain	7	0.7	36	2.7
JUMLAH	1,009	100.0	1,329	100.0

Perbelanjaan pembangunan bagi sektor perkhidmatan sosial dijangka bertambah 2.4% dengan pelajaran dijangka mendapat jumlah terbesar diikuti oleh perkhidmatan kesihatan. Latihan tenaga kerja mahir dan separuh mahir telah menjadi semakin penting bagi memenuhi peningkatan permintaan tenaga kerja selaras dengan ekonomi yang berkembang. Bagi mencapai tujuan ini, perbelanjaan untuk latihan dan pembangunan pusat latihan merupakan jumlah terbesar di bawah perkhidmatan sosial. Bagaimanapun, pendidikan asas masih merupakan komponen penting dalam usaha untuk menyediakan tenaga kerja yang sesuai dalam negara. Perbelanjaan untuk pendidikan meliputi program pelajaran rendah dan menengah, latihan teknik dan vokasional, institut pelajaran tinggi termasuk penubuhan cawangan-cawangan ITM dan bantuan kewangan kepada Kolej Tunku Abdul Rahman. Sejumlah RM899 juta dijangka dibelanjakan bagi pembinaan dan menaik taraf lebih 1,600 buah sekolah termasuk sekolah vokasional, sekolah teknik dan politeknik. Sebanyak RM172 juta akan digunakan untuk pembangunan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah, Hospital Pengajaran UKM dan pembinaan Kampus Perubatan Universiti Islam Antarabangsa di Kuantan. Perbelanjaan untuk kesihatan juga bertambah tinggi bagi mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan dan seterusnya taraf hidup rakyat khususnya di luar

bandar. Sebanyak RM176 juta dijangka dibelanjakan bagi projek hospital yang sedang dibina di seluruh negara manakala perbelanjaan bagi kemudahan kesihatan seperti penggantian peralatan di hospital dijangka berjumlah RM145 juta.

Perbelanjaan untuk perumahan dijangka meningkat 11.7% kepada RM401 juta terutamanya bagi pembinaan rumah-rumah kos rendah bagi golongan berpendapatan rendah, khususnya di bandar-bandar besar serta program perumahan untuk anggota polis dan tentera. Perbelanjaan bagi projek perumahan kos rendah dijangka berjumlah RM97 juta sementara perbelanjaan untuk program perumahan bagi anggota tentera dan polis berjumlah RM219 juta. Program-program lain di bawah sektor perkhidmatan sosial, seperti program penerangan dan penyiaran, kebudayaan, belia dan sukan dan perkhidmatan sosial yang lain, dijangka merupakan 5.2% daripada jumlah perbelanjaan sektor perkhidmatan sosial.

Pemodenan angkatan tentera termasuk memodenkan peralatan terus dilaksanakan. Bagi tujuan ini, perbelanjaan sektor keselamatan dijangka meningkat 5% menjadi RM2,478 juta di mana 87.7% adalah untuk sektor kecil pertahanan. Baki RM340 juta adalah untuk keselamatan dalam negeri, khususnya untuk Polis Diraja Malaysia. Ini termasuklah pembinaan balai-balai polis, pusat latihan dan pembelian peralatan.

Perbelanjaan untuk pentadbiran merupakan bahagian terkecil dalam perbelanjaan pembangunan. Sejumlah RM970 juta atau 7.7% dijangka dibelanjakan bagi sektor ini, khususnya untuk pembinaan bangunan-bangunan, pejabat dan pembelian peralatan manakala sejumlah RM16 juta adalah untuk hal ehwal luar negeri. Perbelanjaan untuk pentadbiran am dijangka meningkat tiga kali dari RM343 juta pada tahun 1994 kepada RM970 juta pada tahun 1995. Pertambahan ketara ini adalah dari peruntukan pembelian tanah untuk projek Putrajaya, berjumlah RM700 juta.

Pembiayaan

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang dijangka mencatatkan lebihan yang kecil pada tahun 1995, mengelakkan Kerajaan daripada meminjam untuk membiayai perbelanjaannya. Bagaimanapun, Kerajaan akan membuat pinjaman bagi membayar balik pinjaman dalam negeri yang matang pada tahun 1995 berjumlah RM2,750 juta, terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) sebanyak RM2,250 juta dan Sijil Pelaburan (SP) sebanyak RM500 juta. Pinjaman tersebut bertujuan untuk memenuhi permintaan terhadap kertas-kertas Kerajaan serta untuk membantu langkah-langkah kewangan bagi mengawal lebihan kecairan dalam sistem kewangan. Sejumlah RM2,750 juta kertas Kerajaan yang terdiri dari SKM dan SP akan dijual untuk membiayai penebusan pinjaman dalam negeri pada tahun 1995. Sehingga akhir bulan Ogos 1995, pinjaman kasar dalam negeri yang diperolehi melalui pengeluaran SP ialah sebanyak RM750 juta. Sejumlah RM2,000 juta lagi akan diperolehi melalui penjualan SKM pada akhir tahun ini. Tiada sebarang Bil Perbendaharaan (BP) baru dijangka dikeluarkan pada tahun 1995 kecuali untuk penebusan BP yang sedia ada.

Pinjaman kasar luar negeri dalam tahun 1995 dijangka diperolehi daripada pengeluaran pinjaman projek yang sedia ada berjumlah RM620 juta. Kedudukan kewangan Kerajaan yang baik juga membolehkan Kerajaan meneruskan pengurusan hutang luar negeri yang berhemat. Ianya juga untuk mengurangkan pertumbuhan hutang luar negeri di samping meminimumkan pendedahan risiko pertukaran asing dan kadar faedah. Bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil langkah berhati-hati dengan mengambilkira perkembangan

Jadual 5.10

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Bagi Sektor Perkhidmatan Sosial (RM juta)

	1995		1996	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Anggaran Disemak	% Sumbangan
Pelajaran	2,023	59.9	2,111	55.0
Kesihatan	372	11.0	561	14.6
Perumahan	401	11.9	454	11.8
Lain-lain	582	17.2	714	18.6
JUMLAH	3,378	100.0	3,840	100.0

imbangan pembayaran, aliran modal jangka pendek dan paras rizab luar negeri. Sebarang bayaran balik awal akan dibiayai melalui lebihan keseluruhan atau menggunakan baki tunai Kerajaan. Bayaran balik pokok dijangka berjumlah RM2,026 juta. Dengan itu, pinjaman luar negeri bersih pada tahun 1995 dijangka mencatat aliran keluar sebanyak RM1,406 juta berbanding dengan aliran keluar sebanyak RM4,757 juta pada tahun 1994.

Kerajaan Negeri

Kedudukan kewangan Kerajaan negeri yang disatukan dijangka lemah pada tahun 1995 dengan akaun semasa dijangka merosot 50.9% berpunca daripada kutipan hasil yang merosot 10% dan perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi sebanyak RM5,681 juta. Perbelanjaan pembangunan dijangka bertambah sebanyak 12.4% meningkatkan defisit keseluruhan kepada RM2,723 juta. 10 negeri dijangka mencatatkan defisit keseluruhan berjumlah antara RM3.4 juta untuk Kelantan hingga RM1,259 juta untuk Sabah. Defisit keseluruhan tahun 1995 dijangka dibiayai oleh pinjaman Kerajaan Persekutuan (RM232 juta) dan penggunaan aset Kerajaan Negeri sebanyak RM2,491 juta.

Kutipan hasil Kerajaan negeri dari punca-punca negeri dijangka merosot 12.1% kepada RM5,211 juta pada tahun 1995 selepas meningkat 3.6% pada tahun 1994. Punca hasil sendiri ini merupakan 77.8% daripada hasil negeri disatukan. Kemerosotan tersebut adalah berikutan daripada kutipan yang lebih rendah bagi Sabah, merosot daripada RM1,373 juta kepada RM968 juta dalam tahun 1995. Kutipan hasil yang lebih tinggi dicatatkan di lima negeri iaitu Johor, Kedah, Pahang, Perlis dan Kelantan sementara negeri-negeri lain mencatatkan hasil yang lebih rendah.

Hasil daripada petroleum dan yang berasaskan hutan terus menjadi sumber hasil utama Kerajaan-kerajaan negeri, iaitu kira-kira 45.8% daripada jumlah punca hasil sendiri negeri. Royalti petroleum yang diterima oleh negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak dijangka berkurangan sebanyak 3% dari RM560 juta pada tahun 1994 kepada RM543 juta pada tahun 1995 berikutan jangkaan harga petroleum yang lebih rendah. Bagi negeri Terengganu, royalti petroleum dijangka berjumlah RM355 juta pada tahun 1995 atau 78.4% daripada

sumber hasil negeri. Bagi Sabah, royalti petroleum berjumlah RM56 juta atau 5.8% dan Sarawak RM132 juta atau 7.2% daripada hasil negeri. Hasil yang berasaskan hutan dijangka merupakan 35.4% daripada jumlah hasil negeri (1994: 25.6%) dengan kutipan dijangka bertambah pada tahun 1995 kepada RM1,843 juta berbanding dengan RM1,653 juta pada tahun 1994. Bagi Sabah, hasil dari sumber hutan dijangka merosot 6.7% dari RM678 juta pada tahun 1994 kepada RM651 juta tahun 1995. Pengurangan tersebut adalah sejajar dengan strategi Kerajaan negeri untuk mengurus hutan simpanan secara mampan.

Memandangkan punca hasil Kerajaan negeri adalah terhad, usaha untuk meningkatkan kutipan hasil sentiasa menjadi tumpuan. Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan negeri untuk meningkatkan kutipan hasil. Ini termasuklah kajian

Jadual 5.11
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri
Disatukan
(RM juta)

	1994 ¹	% Perubahan	1995 ²	% Perubahan
Akaun semasa				
Hasil	7,443	5.0	6,698	-10.0
Perbelanjaan mengurus	5,372	12.6	5,681	5.8
Imbangan semasa	2,071	-10.8	1,017	-50.9
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan kasar pembangunan	3,616	13.4	4,063	12.4
Tabung pembangunan	3,046	13.1	3,556	16.7
Tabung bekalan air	570	15.4	507	-11.1
Bayaran balik pinjaman	921		323	
Perbelanjaan bersih pembangunan	2,695		3,740	
Defisit keseluruhan	-624		-2,723	

¹ Anggaran sebenar

² Anggaran

semula kadar cukai dan asas bukan cukai bagi meluaskan lagi asas hasil serta pengkomputeran kutipan cukai. Pelaksanaan program penswastaan juga turut menyumbang kepada pertambahan hasil Kerajaan-kerajaan negeri memandangkan penerimaan daripada penswastaan telah menjadi hasil baru negeri. Sebagai contoh, negeri Johor dijangka menerima kira-kira RM10 juta dari penswastaan pada tahun 1995 berbanding dengan RM6 juta pada tahun 1994. Semua Kerajaan negeri dijangka mempercepatkan usaha melaksanakan program penswastaan. Dalam hubungan ini, Johor dan Pulau Pinang telah mengkorporatkan Jabatan Bekalan Air manakala negeri-negeri lain seperti Selangor, Perlis dan Negeri Sembilan sedang dalam proses mengkorporat atau men-swastakannya.

Penerimaan daripada geran Persekutuan dan bayaran balik merupakan 22.2% daripada hasil disatukan kerajaan negeri. Pada tahun 1995, geran daripada Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM1,406 juta berbanding dengan RM1,440 juta tahun 1994. Kira-kira 30% daripada geran Kerajaan Persekutuan adalah terutamanya untuk penyelenggaraan jalan raya iaitu berjumlah RM421 juta. Pulangan balik daripada Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri dijangka meningkat dari RM75 juta pada tahun 1994 kepada RM81 juta.

Kerajaan-kerajaan negeri secara kumpulan memperuntukkan jumlah perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi pada tahun 1995 berjumlah RM5.7 bilion atau kenaikan 5.8%. Pengkorporatan agensi-agensi negeri seperti Jabatan Air Johor, Lembaga Sungai Sarawak dan beberapa cawangan di bawah Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan mulai tahun 1994 telah menyebabkan pertambahan perbelanjaan mengurus yang rendah. Bekalan dan perkhidmatan dijangka merupakan 31.3% daripada jumlah perbelanjaan mengurus negeri, diikuti oleh emolumen sebanyak 23.8%.

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan-kerajaan negeri dijangka meningkat 12.4% khususnya untuk sektor-sektor infrastruktur, pertanian dan pembangunan perindustrian bagi membantu usaha Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan asas yang kukuh bagi pembangunan mampan di negeri-negeri. Lapan negeri mencatatkan pertambahan perbelanjaan pembangunan sementara lima negeri lagi memperuntukkan jumlah yang lebih rendah.

Kerajaan-kerajaan negeri akan terus menyusun semula ekonomi dengan memberi tumpuan kepada pembangunan sektor-sektor yang membantu pertumbuhan seperti industri berasaskan sumber dan intensif modal, pertanian untuk perniagaan, pembangunan tanah dan pelancongan.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

PABK dijangka terus meningkatkan aktiviti masing-masing dengan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan meningkat 9.5% kepada RM51.9 bilion pada tahun 1995. Anggaran awal menunjukkan lebih mengurus akan meningkat sebanyak 1.3% memandangkan pertumbuhan hasil dijangka melebihi perbelanjaan mengurus. Ini adalah berikutan daripada pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh serta kejayaan penggabungan dan penyusunan semula syarikat-syarikat Kerajaan yang telah dibuat semenjak tahun 1993. Penswastaan beberapa PABK juga turut memberi sumbangan besar terhadap peningkatan prestasi mereka. Dua syarikat yang telah diswastakan iaitu TMB dan TNB telah mencatat keuntungan tahunan sebelum cukai melebihi RM1 bilion ringgit masing-masing semenjak tahun 1991 dan 1992.

Berdasarkan data yang diperolehi dari Unit Pusat Pengumpulan Maklumat (UPPM), pada akhir bulan Jun 1995, 71.8% daripada syarikat-syarikat milik Kerajaan telah mencatatkan keuntungan pada tahun 1993 berbanding dengan 71.6% pada tahun 1992 manakala bilangan syarikat yang rugi berkurangan daripada 28.4% pada tahun 1992 kepada 28.2% pada tahun 1993. PABK yang terlibat dalam sektor kemudahan awam mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi.

Dalam Pelan Tindakan Penswastaan 1995, sejumlah 40 projek dan entiti akan disusun semula untuk penswastaan sementara 77 entiti lagi disusun untuk diperbadan atau diswasta. Antara entiti tersebut ialah Bank Simpanan Nasional, Bahagian Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Kimia dan Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Dalam bulan Julai 1995, Petronas Gas Berhad telah menawarkan saham kepada orang ramai dan telah disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Petronas Gas Berhad merupakan anak syarikat minyak negara (PETRONAS) yang kedua

Jadual 5.12

Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹
1994 - 1995
 (RM juta)

	1993	1994	1995
Hasil	45,131	46,498	47,417
Perbelanjaan mengurus	35,410	35,829	36,610
Imbangan semasa	9,721	10,669	10,807
Perbelanjaan pembangunan	8,942	11,665	15,376
Imbangan keseluruhan	779	-996	-4,569

¹ Merujuk kepada 42 PABK pada tahun 1993 dan 41 pada tahun 1994, dan 40 pada tahun 1995

yang diapungkan selepas penyenaian Petronas Dagangan Berhad pada awal tahun 1994. Penyenaian Petronas Gas Berhad meningkatkan modal pasaran BSKL melebihi RM10 bilion lagi.

Kerajaan telah menjual pegangan sahamnya dalam Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) pada tahun 1994 dan dengan penjualan tersebut, bilangan PABK bagi tujuan analisa ekonomi makro telah berkurangan menjadi 40 pada tahun 1995. Berikutan peningkatan aktiviti perniagaan, perbelanjaan semasa bagi PABK tersebut meningkat kepada RM36,610 juta pada tahun 1995. Bayaran faedah dijangka meningkat kerana pinjaman kewangan yang lebih banyak perlu dibuat bagi membiayai sebahagian daripada pelaburan. Berasaskan anggaran awal, lebih mengurus 40 PABK dijangka masih kukuh, seperti ditunjukkan di Jadual 5.12, ekor prestasi hasil yang kukuh. Lebih tersebut dijangka disumbangkan oleh PABK utama seperti PETRONAS, TNB, TMB, Proton dan HICOM.

Perbelanjaan pembangunan 40 PABK dijangka meningkat kepada RM15,376 juta dari RM11,665 juta pada tahun 1994 berikutan daripada program pemodenan dan perkembangan yang dilaksanakan oleh PABK yang terlibat dibidang kemudahan awam, barangan, perkilangan dan pengangkutan. PETRONAS telah memperuntukkan sebanyak RM6.9 bilion bagi tahun semasa sebahagian

besarnya untuk fasa kedua projek penapisan, logi amonia-urea di Kedah dan projek bekalan gas iaitu Semenanjung Ketiga (PGU3), LNG2 dan 2 loji memproses gas GPP5 dan GPP6.

TMB dijangka melabur sebanyak RM3,500 juta bagi melaksanakan program pemodenan dan perkembangan bagi memenuhi permintaan yang meningkat dan juga bagi meningkatkan kualiti dan keupayaan rangkaiannya. Bagi memenuhi pertambahan permintaan elektrik, TNB akan membelanjakan kira-kira RM3,774 juta bagi menambah keupayaan penjanaan kuasa, kemudahan pengagihan dan penghantaran. Ini termasuklah pembinaan stesen Janakuasa Sultan Salahudin Abdul Aziz Fasa III (2x500 MW) di Port Klang dan pemasangan kabel penghantaran 500 Kv Fasa 1 (Gurun-Tanjung-Lumut-Rawang-Port Klang). Pelabuhan-pelabuhan utama juga dijangka menambah perbelanjaan modal bagi menaikkan taraf kemudahan bagi memenuhi pertambahan kargo. Bagi tujuan tersebut, Penang Port Sdn. Bhd. akan melabur sebanyak RM83 juta pada tahun 1995. Pengangkutan rel juga dipertingkatkan. KTMB dijangka berbelanja sejumlah RM445 juta bagi memenuhi pertambahan permintaan pengangkutan penumpang dan barang.

Berikutan pertambahan perbelanjaan pembangunan yang besar, baki keseluruhan disatukan bagi PABK dijangka mencatat defisit yang besar berjumlah RM4,569 juta pada tahun 1995 berbanding dengan defisit sebanyak RM996 juta pada tahun 1994.

Hutang Negara

Kerajaan Persekutuan terus mengekalkan strategi berhemat dalam pengurusan hutang pada tahun 1995 dengan mengawal pinjaman luar negeri bagi membendung saiz hutang negara dan meringankan beban bayaran khidmat hutang. Bagaimanapun, hutang negara dijangka meningkat sedikit daripada 33.8% pada tahun 1994 kepada 33.9% dari KNK pada tahun 1995. Ini disebabkan oleh pertambahan pinjaman luar negeri oleh PABK dan sektor swasta bagi membiayai projek infrastruktur dan pelaburan lain yang amat diperlukan bagi mengatasi kekangan bekalan dan meningkatkan keupayaan pengeluaran.

Jadual 5.13
Hutang Luar Negeri


	1994			1995		
	RM Juta	% Perubahan	% Sumbangan	RM Juta	% Perubahan	% Sumbangan
Sektor Awam	37,353	2.7	62.6	41,822	11.9	61.0
Kerajaan Persekutuan	14,818	-23.5	24.8	13,902	-6.2	20.3
PABK	22,535	32.5	37.8	27,920	23.9	40.7
Dijamin	8,954	6.1	15.0	9,805	9.5	14.3
Tidak dijamin	13,582	58.7	22.8	18,115	33.4	26.4
Sektor swasta	22,309	43.9	37.4	26,751	19.9	39.0
HUTANG NEGARA	59,662	15.0	100.0	68,573	14.9	100.0

¹ Anggaran

Jumlah pinjaman bersih luar negeri dijangka meningkat sebanyak RM8,697 juta pada tahun 1995 (RM8,095 juta tahun 1994). Seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.13, semua komponen hutang negara kecuali hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat dengan ketara. Berikutan kemerosotan hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan sebanyak 6.2% dan peningkatan ketara hutang sektor swasta, nisbah hutang sektor awam terhadap hutang negara dijangka merosot sedikit kepada 61% pada tahun 1995. Sebaliknya, nisbah hutang sektor swasta terhadap hutang negara akan meningkat.

Hutang luar PABK dijangka berjumlah RM27,920 juta pada tahun 1995 (40.7% dari jumlah hutang negara). Peningkatan yang tinggi ini disebabkan oleh program perkembangan dan pemodenan yang dilaksanakan oleh PABK besar seperti PETRONAS, TNB dan TMB. Daripada jumlah tersebut 35.1% dijamin oleh Kerajaan. Hutang sektor swasta dijangka meningkat 19.9% kepada RM26,751 juta pada tahun 1995. Bagaimanapun, jumlah hutang luar negeri dijangka masih rendah berbanding pegangan rizab resmi luar negeri yang dijangka berjumlah RM67 bilion pada akhir tahun 1995.

Carta 5.6
Bayaran Pokok, Penebusan dan Bayaran Faedah Ke Atas Hutang Kerajaan Persekutuan




Hutang Kerajaan Persekutuan

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka berkurangan 1.2% kepada RM91,930 juta berikutan kejatuhan hutang luar negeri sebanyak 6.2% dan kemerosotan hutang dalam negeri sebanyak 0.3% pada tahun 1995. Instrumen utama hutang dalam negeri ialah Surat Jaminan Kerajaan (SJK) berjumlah RM64,719 juta dan Sijil Pelaburan (SP) berjumlah RM5,050 juta. SJK dijangka merupakan pegangan terbesar iaitu 83.3% daripada jumlah hutang dalam negeri. Pegangan-pegangan lain ialah Bil Perbendaharaan dan Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan.

Pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat aliran keluar yang lebih kecil berjumlah RM1,406 juta berbanding dengan RM4,757 juta pada tahun 1994. Dengan itu, jumlah hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan selepas mengambilkira perubahan kadar pertukaran asing dijangka berkurangan menjadi RM13,902 juta pada akhir tahun 1995 dari RM14,818 juta pada akhir tahun 1994.

Carta 5.7
Hutang Kerajaan Persekutuan



Jadual 5.14

Hutang Kerajaan Persekutuan (RM juta)


Profil Hutang	1994	% Sumbangan	1995	% Sumbangan
Hutang Dalam Negeri	78,260	100.0	78,028	100.0
Bil Perbendaharaan	4,320	5.5	4,320	5.5
Sijil Pelaburan	4,800	6.1	5,050	6.5
Surat Jaminan Kerajaan	64,969	83.0	64,719	82.9
2 - 3 tahun	—	—	—	—
4 - 5 tahun	2,100		2,100	
6 - 10 tahun	12,336		12,336	
11 - 15 tahun	13,985		13,735	
16 - 21 tahun	36,548		36,548	
Pinjaman lain ¹	4,171	5.4	3,939	5.1
Hutang Luar Negeri	14,818	100.0	13,902	100.0
Pinjaman pasaran	7,250	59.9	6,533	47.0
Pinjaman projek	7,568	40.1	7,369	53.0
Kredit pembekal	0	0.5	0	0
JUMLAH	93,078		91,930	

¹ Terutamanya pinjaman oleh KWPP Perbendaharaan.

Hutang dalam matawang Yen dijangka merupakan jumlah terbesar daripada hutang luar, dalam nilai ringgit berjumlah RM6,464 juta atau 46.5% daripada hutang luar Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, jumlah tersebut jauh lebih rendah berbanding RM6,736 juta atau 45.4% pada tahun 1994. Nisbah hutang luar dalam dolar AS pula meningkat sedikit kepada 39% (1994: 38%), tetapi nilainya dalam ringgit dijangka berkurangan dari RM5,632 juta pada tahun 1994 kepada RM5,423 juta pada tahun 1995. Pegangan hutang lain ialah franc Swiss (8.1%), deutschemark (2.3%), sterling pound (2.1%), franc Perancis (1.9%) dan dolar Kanada (0.1%).

Bayaran khidmat hutang Kerajaan Persekutuan dijangka berkurang 1.6% daripada RM6,814 juta pada tahun 1994 kepada RM6,704 juta pada tahun 1995, berikutan bayaran faedah hutang luar negeri yang berkurangan 22.3%. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5,821 juta atau 86.8% akan digunakan untuk bayaran khidmat hutang dalam negeri sementara bakinya untuk hutang luar negeri.

Carta 5.8
Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan
Mengikut Sumber



Bagaimanapun bayaran balik pokok bagi pinjaman luar negeri (tidak termasuk bayaran balik awal) dijangka meningkat kepada RM2,026 juta berbanding dengan RM1,321 juta pada tahun 1994. Dengan itu jumlah bayaran khidmat hutang luar negeri dijangka meningkat daripada RM2,442 juta pada tahun 1994 kepada RM2,889 juta pada tahun 1995. Jumlah bayaran khidmat hutang luar negeri yang meningkat serta pendapatan eksport yang lebih tinggi akan menjadikan nisbah khidmat hutang Kerajaan Persekutuan pada tahun 1995 rendah seperti nisbah pada tahun 1994 iaitu 1.4%.

Bayaran khidmat hutang negara dijangka meningkat disebabkan peningkatan bayaran balik pokok terjadual dan bayaran faedah berikutan pertambahan hutang yang besar oleh PABK dan sektor swasta. Bagaimanapun, nisbah khidmat hutang negara dijangka masih rendah pada paras 5.1% berbanding dengan 5.2% pada tahun 1994 disebabkan pertumbuhan eksport barangan dan perkhidmatan yang tinggi. Kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan pinjaman luar negeri


oleh PABK dibuat mengikut syarat-syarat yang baik dan untuk membiayai hanya projek yang boleh menghasilkan pendapatan yang cukup untuk membayar balik hutang tersebut.

Tinjauan 1996


Tinjauan keseluruhan

Tumpuan dasar fiskal pada tahun 1996 akan dijuruskan kepada menggalakkan sektor swasta yang mantap dan meningkatkan produktiviti yang akan mengekalkan pertumbuhan di samping mengekalkan kestabilan harga dan memupuk amalan fiskal yang lebih berdisiplin untuk meningkatkan tabungan dan memperluaskan ketahanan ekonomi. Oleh itu, teras operasi belanjawan 1996 ialah mengukuhkan kedudukan kewangan dan meningkatkan tabungan sektor awam selaras dengan pengurangan peranan sektor awam dalam ekonomi dan menggalakkan sektor

Carta 5.9
Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan
Mengikut Mata Wang



Carta 5.10
Nisbah Khidmat Hutang Luar Negeri



swasta sebagai pemacu pertumbuhan. Kerajaan akan meneruskan program reformasi cukai bagi meningkatkan kutipan hasil. Dari segi perbelanjaan, penekanan akan terus diberikan kepada penyediaan infrastruktur dan pembangunan sumber manusia di dalam bidang seperti penyelidikan, sains dan teknologi yang akan menyokong keperluan pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan penyertaan sektor swasta. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan perbelanjaan awam dan menggalakkan kecekapan dalam ekonomi, Kerajaan akan terus melaksanakan suai-saiz sektor awam dan program penswastaan yang telah memberi sumbangan besar ke arah memperkukuhkan kewangan sektor awam dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Baki keseluruhan sektor awam disatukan pada tahun 1996 dijangka mencatat defisit sebanyak RM6.8 bilion atau 3.0% daripada KNK berbanding dengan defisit sebanyak RM7.4 bilion atau 3.7% daripada KNK pada tahun 1995. Sungguhpun lebih semasa sektor awam dijangka lebih tinggi,

perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK yang lebih besar menyebabkan defisit dalam baki keseluruhan sektor awam. Baki akaun semasa sektor awam disatukan dijangka lebih baik pada tahun 1996 disebabkan oleh lebih akaun semasa kedua-dua sektor Kerajaan dan PABK. Hasil sektor Kerajaan dijangka meningkat 7.3% sementara perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 3.2% sahaja. Oleh itu, baki akaun semasa sektor Kerajaan dijangka meningkat 20.2% kepada RM17.7 bilion berbanding dengan RM14.7 bilion pada tahun 1995. Di samping itu, PABK utama dijangka mengekalkan lebih semasa berjumlah RM11.1 bilion pada tahun 1996 berbanding dengan RM10.5 bilion pada tahun 1995. Ini disebabkan oleh prestasi kewangan PABK utama yang lebih baik berikutan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Dengan demikian, akaun semasa sektor awam disatukan pada tahun 1996 akan mencatat lebih sebanyak RM28.8 bilion atau 14.3% lebih tinggi daripada paras 1995.

Perbelanjaan pembangunan sektor awam pada tahun 1996 dijangka berjumlah RM35.6 bilion, iaitu meningkat 9.2% berbanding dengan pertambahan 28% pada tahun 1995. Pertambahan tersebut terutamanya disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan juga PABK yang mana kedua-duanya merupakan 80.3% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam. PABK masih dalam proses meningkatkan keupayaan dan beberapa PABK seperti KLIA dijangka membuat perbelanjaan modal yang besar pada tahun 1996. Sungguhpun tahun 1996 merupakan tahun pertama Rancangan Malaysia Ketujuh, perbelanjaan bagi projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Keenam merupakan hampir keseluruhan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1996.

Kerajaan Persekutuan

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 1996 dijangka lebih baik berikutan kadar peningkatan perbelanjaan yang lebih perlahan, iaitu 4.8% berbanding dengan kenaikan 10.0% pada tahun 1995. Kutipan hasil sebelum mengambilkira perubahan cukai 1996 dijangka masih kukuh iaitu RM54.4 bilion, selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada tahun 1995 dan 1996. Oleh itu, akaun semasa dijangka mencatat lebih sebanyak RM14.6 bilion, lebih

tinggi daripada RM12.1 bilion yang dicatatkan pada tahun 1995. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dirancang meningkat 7.9%, sebahagian besarnya untuk projek-projek sambungan kerana projek-projek baru yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000 (RM7) belum lagi diputuskan. Dengan itu, Kerajaan Persekutuan dijangka mencapai lebihan keseluruhan bagi empat tahun berturut-turut pada 1996 berjumlah RM2.1 bilion.

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan diperuntukkan sebanyak RM39.8 bilion atau peningkatan sebanyak 3.8%. Ini mencerminkan usaha Kerajaan yang berterusan untuk membendung pertambahan perbelanjaan mengurus melalui kawalan belanjawan yang ketat. Peruntukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 1996, tahun pertama RM7, berjumlah RM14 bilion. Teras perbelanjaan pembangunan pada tahun 1996 masih tertumpu kepada infrastruktur dan pembangunan sumber manusia bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran negara. Selain daripada itu, program pembangunan pertanian dan luar bandar akan terus diberi penekanan dalam usaha Kerajaan untuk menambahkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat desa. Selepas mengambilkira terimaan balik pinjaman daripada Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan yang lain, perbelanjaan pembangunan bersih pada tahun 1996 dianggar sebanyak RM12.5 bilion. Dengan itu, Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat lebihan keseluruhan sebanyak RM2 bilion atau 0.9% daripada KNK pada tahun 1996 berbanding dengan 0.3% pada tahun 1995.

Hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 7.9% kepada RM54.4 bilion berbanding dengan peningkatan 1.9% pada tahun 1995. Hampir keseluruhan peningkatan pada tahun 1996 dijangka berpunca daripada hasil cukai, khususnya cukai pendapatan syarikat dan perseorangan sejajar dengan pertambahan pendapatan dan kegiatan perniagaan yang terus berkembang berikutan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada tahun 1995 dan 1996. Sebaliknya, sumbangan daripada hasil yang berkaitan dengan petroleum dijangka berkurangan daripada 13.5% pada tahun 1995 kepada 10.7% pada tahun 1996 disebabkan oleh dividen yang lebih rendah daripada Petronas. Kutipan daripada hasil cukai, khususnya cukai

langsung dijangka terus kukuh, meningkat sebanyak 11.6% berbanding dengan hanya 8.2% pada tahun 1995. Sumbangan daripada cukai tak langsung menjadi lebih ketara, meningkat 15.6% sementara cukai langsung dijangka bertambah sebanyak 8.2%. Lebih 88% daripada cukai langsung merupakan kutipan cukai pendapatan iaitu cukai pendapatan syarikat, perseorangan dan petroleum.

Kutipan yang lebih tinggi daripada cukai tak langsung adalah seiring dengan keteguhan pertumbuhan kegiatan ekonomi dalam negeri dan permintaan agregat. Kutipan yang lebih tinggi dijangka daripada duti import, duti eksais, cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Kutipan daripada duti import dijangka mencatatkan pertumbuhan dua angka 16% menjadi RM6,472 juta selaras dengan pertumbuhan pesat import kasar. Berikutan daripada kegiatan perkilangan yang pesat, hasil daripada duti eksais juga dijangka bertambah 15.5% kepada RM5,838 juta. Begitu juga, cukai jualan dijangka mencatatkan pertumbuhan dua angka berikutan pertambahan pesat penggunaan swasta.

Kutipan daripada hasil bukan cukai dan penerimaan bukan hasil dijangka merosot pada tahun 1996 sebanyak 7% berbanding dengan kejatuhan 17.9% pada tahun 1995, disebabkan oleh dividen yang lebih rendah daripada Petronas. Bagaimanapun, kutipan daripada cukai jalan dijangka meningkat 13.3% berikutan jualan kenderaan bermotor dijangka masih kukuh. Kutipan daripada royalti petroleum dijangka meningkat daripada RM778 juta pada tahun 1995 kepada RM931 juta selaras dengan jangkaan peningkatan harga dan pengeluaran gas pada tahun 1996.

Peruntukan Mengurus

Peruntukan belanjawan mengurus Kerajaan Persekutuan berjumlah RM39,766 juta atau 3.8% lebih tinggi daripada perbelanjaan tahun 1995. Peruntukan terbesar adalah untuk emolumen, bekalan dan perkhidmatan, biasiswa dan bantuan pendidikan serta pencen dan ganjaran. Peruntukan **emolumen** dijangka merosot sebanyak 3.4% kepada RM13,791 juta dan kekal sebagai komponen terbesar iaitu 34.7% daripada perbelanjaan mengurus pada tahun 1996. Di samping kenaikan gaji tahunan, peruntukan juga dibuat bagi mengisi kekosongan dalam perkhidmatan penting khususnya pendidikan dan

kesihatan. Selain daripada itu, **bayaran khidmat hutang** dianggar meningkat sedikit pada kadar 0.1% kepada RM6,708 juta dan menyumbangkan kira-kira 16.9% kepada perbelanjaan mengurus.

Peruntukan bagi **bekalan dan perkhidmatan** dijangka lebih rendah pada tahun 1996 iaitu sebanyak RM6,016 juta berbanding dengan RM6,088 juta pada tahun 1995. Peruntukan ini terutamanya untuk penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan dan bekalan bagi meningkatkan jentera dan perkhidmatan pentadbiran Kerajaan. Peruntukan kepada komponen ini keseluruhannya berjumlah RM2,962 juta atau 49.2% daripada jumlah peruntukan bagi bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan ke atas **pencen dan ganjaran** dijangka kekal pada paras tahun 1995. Selain daripada itu, sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen dijangka meningkat kepada RM828 juta. **Geran dan serahan kepada kerajaan negeri** dijangka meningkat sebanyak 8.5% kepada RM1,525 juta terutamanya disebabkan oleh peruntukan yang tinggi kepada geran jalan raya, geran mengikut kiraan kepala dan geran kepada jabatan di bawah senarai bersama Perlembagaan. Peruntukan bagi **subsidi** dijangka meningkat 10.4% kepada RM729 juta terutamanya untuk memenuhi kenaikan subsidi bahan petroleum dan buku teks. Subsidi bahan petroleum dijangka meningkat daripada RM94 juta pada tahun 1995 kepada RM140 juta pada tahun 1996, manakala peruntukan subsidi buku teks dijangka meningkat daripada RM89 juta pada tahun 1995 kepada RM94 juta pada tahun 1996.

Peruntukan bagi **perbelanjaan mengurus lain** yang menyumbangkan 15% daripada jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 34.8% pada tahun 1996. Komponen utama di bawah kategori ini ialah geran kepada badan-badan berkanun, biasiswa dan bantuan pendidikan, pembelian aset, bayaran mengurus kepada sekolah rendah dan menengah serta bayaran balik dan hapus kira. Geran kepada badan berkanun dijangka berkurang 6% kepada RM803 juta terutamanya disebabkan oleh peruntukan yang lebih rendah kepada agensi-agensi pembangunan tanah dan wilayah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kewangan agensi-agensi ini kepada Kerajaan Persekutuan. Peruntukan bagi biasiswa dan bantuan pendidikan berjumlah RM704 juta untuk menampung kenaikan bilangan biasiswa pelajar-pelajar. Bayaran pengurusan kepada sekolah rendah dan menengah dijangka meningkat sebanyak 3.9% kepada RM691

juta berikutan jangkaan kenaikan bilangan pelajar-pelajar. Pada masa yang sama, peruntukan berjumlah kepada RM882 juta disediakan untuk membeli peralatan pejabat seperti kemudahan komputer, peralatan serta pembaikan bangunan.

Dari segi sektoral, sektor **perkhidmatan sosial** dijangka kekal sebagai penerima terbesar dengan peruntukan sebanyak RM13,124 juta atau 33% daripada jumlah peruntukan mengurus, terutamanya bagi pendidikan dan kesihatan yang kesemuanya dijangka menyumbang kira-kira 89.5% daripada jumlah peruntukan bagi sektor perkhidmatan sosial. Peruntukan bagi **keselamatan** dijangka berjumlah RM6,089 juta atau 15.3% daripada jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus. **Pentadbiran am** yang menyumbangkan 12.6% daripada peruntukan perbelanjaan mengurus dijangka kekal sebagai sektor ketiga terbesar manakala sektor perkhidmatan ekonomi dijangka berjumlah RM3,552 juta atau 8.9% daripada peruntukan mengurus.

Peruntukan Pembangunan

Peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 1996 dijangka berjumlah RM13,701 juta atau pertambahan 7.9% melebihi perbelanjaan 1995. Bagaimanapun teras perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1996 terus ditumpukan kepada pengukuhan kapasiti pengeluaran ekonomi melalui pembangunan infrastruktur dan sumber manusia, penyelidikan dan pembangunan serta penghapusan kemiskinan. Peruntukan yang lebih tinggi pada tahun 1996 adalah terutamanya untuk perkhidmatan sosial yang meningkat sebanyak 13.7%.

Peruntukan bagi sektor **perkhidmatan ekonomi** berjumlah RM5,768 juta dan terus merupakan sektor terbesar, iaitu 42.1% dari jumlah peruntukan pembangunan pada tahun 1996. Sebanyak 24.9% daripada jumlah peruntukan tersebut akan digunakan untuk projek infrastruktur dan pertanian dan pembangunan luar bandar. Ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan kemudahan asas dan taraf hidup penduduk luar bandar. Peruntukan bagi sektor kecil pengangkutan berjumlah RM2,293 juta akan digunakan terutamanya untuk jalan dan jambatan (RM1,530 juta), sistem rel (RM549 juta), pembangunan lapangan terbang (RM119 juta), pelabuhan dan jabatan laut (RM95 juta). Projek jalan yang utama pada tahun 1996 termasuklah projek Jalan Lingkaran Tengah II, projek Tambak Johor, jalan

dari Simpang Pulai ke Kuala Berang dan projek jalan-jalan utama di Sabah dan Sarawak. Sebanyak RM130.4 juta dijangka dibelanjakan untuk meluaskan projek-projek landasan berkembar meliputi tempat-tempat sehingga Rawang, Seremban, Kelang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Selain daripada itu, sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur, sejumlah RM382 juta diperuntukkan bagi projek Sistem Rel Laju Ringan. Penekanan terus diberikan untuk membangunkan pelabuhan dan lapangan terbang bagi memenuhi keperluan pengangkutan penumpang dan perkembangan perdagangan antarabangsa. Projek-projek ini diperuntukkan sebanyak RM186 juta pada tahun 1996. Untuk meningkatkan lagi peranan kawasan luar bandar dalam proses pembentukan negara, Kerajaan, buat pertama kalinya, menyediakan peruntukan sejumlah RM20 juta khas untuk penyelenggaraan jalan luar bandar.

Pertanian dan pembangunan luar bandar terus menjadi program utama di bawah sektor perkhidmatan ekonomi dan diperuntukkan sebanyak RM1,436 juta atau 10.5% daripada jumlah peruntukan sektor perkhidmatan ekonomi. Peruntukan tersebut ialah untuk pertanian dan pembangunan tanah, pengairan dan saliran dan program menanam semula getah. Dalam bidang pertanian tumpuan akan diberi kepada peningkatan produktiviti melalui amalan pertanian yang menggunakan teknologi moden. Program pertanian secara komersial dijangka dapat menyalurkan sumber-sumber awam kepada pekebun kecil untuk mendapat faedah daripada saiz yang ekonomik, disokong oleh jentera Kerajaan yang bersepadu.

Program-program perdagangan dan perindustrian akan diperuntukkan kira-kira RM1,329 juta atau 9.7% daripada peruntukan bagi sektor perkhidmatan ekonomi. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM681 juta atau 51.2% akan dibelanjakan untuk pembangunan perindustrian khususnya dalam bentuk pinjaman dan geran kepada PABK dan agensi Kerajaan yang lain seperti PKEN, MARA, HICOM dan Bank Pembangunan Malaysia. Kerajaan terus memberi penekanan yang lebih kepada program P&P dan bagi tujuan ini, sebanyak RM382 juta telah diperuntukkan pada tahun 1996. Kira-kira RM231 juta akan dibelanjakan untuk program-program perancangan termasuk pembukaan beberapa pusat penerangan pelancong yang baru, pengindahan dan pembangunan infrastruktur perancangan,

pembinaan hotel-hotel murah dan rumah peranginan serta pelbagai program-program lain yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Peruntukan untuk sektor **perkhidmatan sosial** merupakan jumlah kedua terbesar, menyumbang kira-kira 28% daripada jumlah peruntukan pembangunan. Peruntukan bagi pendidikan, iaitu komponen terbesar dalam sektor perkhidmatan sosial dijangka meningkat 4.3% kepada RM2,111 juta, selaras dengan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di negara ini. Sebahagian besar peruntukan ini akan disalurkan bagi pembinaan bangunan sekolah, meningkatkan kemudahan pembelajaran dan pembangunan universiti dan institusi pengajian tinggi. Peruntukan bagi perkhidmatan kesihatan juga dijangka lebih tinggi, meningkat 50.8% kepada RM561 juta. Peruntukan yang besar ini terutamanya adalah untuk memperbaiki dan meningkatkan kemudahan kesihatan di hospital-hospital Kerajaan. Peruntukan bagi perumahan dijangka meningkat 13.2% kepada RM454 juta. Sebanyak RM714 juta atau 18.6% daripada peruntukan bagi sektor perkhidmatan sosial adalah untuk penerangan dan penyiaran, kebudayaan, belia dan program-program sukan serta lain-lain perkhidmatan sosial.

Peruntukan untuk sektor **keselamatan** dianggarkan berjumlah RM3,154 juta atau meningkat 27.3% berbanding dengan 5% pada tahun 1995. Peningkatan ini disebabkan oleh peruntukan yang lebih besar bagi sektor kecil pertahanan untuk menggantikan peralatan yang telah usang serta pemodenan dan peningkatan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia. Sebanyak RM358 juta atau 11.4% daripada jumlah peruntukan sektor keselamatan adalah untuk keselamatan dalam negeri, khususnya bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh Polis DiRaja seperti pembinaan pusat-pusat latihan, pengkalan marin, balai-balai polis dan pembelian kenderaan dan peralatan.

Peruntukan untuk **pentadbiran am** berjumlah hanya RM939 juta atau 6.9% daripada jumlah peruntukan pembangunan pada tahun 1996. Sebahagian besar peruntukan ini adalah untuk projek-projek di bawah perkhidmatan jabatan dan Kementerian Luar Negeri. Kira-kira RM931 juta atau 99.1% daripada peruntukan adalah untuk perkhidmatan jabatan dan selebihnya adalah untuk perkhidmatan luar negeri.